

# **Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025**

**MOHD IKBAL MOHD HUDA  
ABDUL RAHIM RIDZUAN  
MOHAMAD IKHRAM  
MARFUNIZAH MA'DAN**



# **MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME**

---

## **POLICY BRIEF 19**

### **Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025**

Mohd Ikbal Mohd Huda  
Abdul Rahim Ridzuan  
Mohamed Ikhrum  
Marfunizah Ma'dan

2022

## MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

---

### **Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025**

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)  
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,  
59100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049  
E-mail: [mpdp@institutmasa.com](mailto:mpdp@institutmasa.com)

#### **Advisor:**

Azril Mohd Amin

#### **Editorial Team:**

Marhaini Kamaruddin

Hamidah Atan

Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan

Mohd Noor Musa

Lili Fariza Ariffin

Sim Why Jean

Nurul Aqilah Azman

Muhammad Fadzil Anif

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin

Liwani Che Long

Muhammad Haqimie Aiman Rosli

Muhammad Akmal Hamdan

## PRAKATA

---

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkannya dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mohd Iqbal Mohd Huda dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Masa Depan Malaysia

## TENTANG MASA

---

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

### Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

### Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

## TENTANG MPDP

---

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

## SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

## ISI KANDUNGAN

---

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	4
Pengenalan	6
Isu-isu Yang Dikenalpasti	9
Implikasi Kepada Dasar	25
Cadangan Polisi	28
Kesimpulan	38
Rujukan	40

## **BIOGRAFI**

---

### **MOHD IKBAL MOHD HUDA**

Mohd Ikbal Mohd Huda ialah Penyelaras, M.Soc.Sc. dalam Strategi dan Diplomasi serta Pensyarah Kanan di Program Pengajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mohd Ikbal adalah penerima Japan Foundation Fellowship (2016). Penyelidikan beliau tertumpu kepada Ekonomi Politik Antarabangsa, Ekonomi Politik Jepun (ODA), Hubungan Malaysia-Jepun, Pembangunan Antarabangsa, Tadbir Urus dan Kerjasama Antarabangsa dengan tumpuan kawasan ASEAN dan Asia Timur.

### **ABDUL RAHIM RIDZUAN**

Abdul Rahim Ridzuan ialah Pensyarah Kanan Ekonomi dari Universiti Teknologi MARA, kampus Melaka. Beliau menamatkan PhD dalam bidang Ekonomi Antarabangsa di Universiti Sains Malaysia. Pada masa ini beliau merupakan felo penyelidik di Big Data Analytics and Artificial Intelligence (IBDAAI) Universiti Teknologi MARA, dan Centre for Economic Development and Policy (CEDP), Universiti Malaysia Sabah.

## **MOHAMAD IKHRAM**

Mohamad Ikhram ialah Pensyarah dari University College Sedaya International (UCSI), Kuala Lumpur. Beliau menamatkan PhD dalam bidang Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memegang pelbagai jawatan, termasuk Ketua Praxis, Industri dan Penglibatan Komuniti, Setiausaha Eksekutif Pusat Dasar Tan Sri Omar, dan tanggungjawab mulai dari Penyelaras QS hingga Pensyarah Pengajian Am.

## **MARFUNIZAH MA'DAN**

Marfunizah Ma'dan ialah Pensyarah Kanan di Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa UUM. Beliau memiliki Ph.D Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau terletak dalam bidang Dasar & Pengurusan Awam, Dasar Sosial, dan Dasar Pendidikan Tinggi, menjadikannya penyumbang berharga kepada penyelidikan dan pendidikan akademik.

## Ringkasan Eksekutif

Pembangunan adalah proses untuk mewujudkan masyarakat yang 'sejahtera' dalam keseluruhan aspek yang merangkumi ekonomi, sosial dan politik. Dalam merealisasikan sasaran pembangunan mapan, peranan kerajaan dalam mentransformasi pembangunan menyeluruh di antara wilayah/negeri amat penting untuk menyeimbangkan tahap pendapatan sosioekonomi.

Adalah tidak dinafikan bahawa Kerajaan telah berusaha untuk menangani jurang pembangunan antara wilayah/negeri melalui pelbagai inisiatif dan insentif seperti beberapa siri rancangan pembangunan lima tahun ataupun Rancangan Malaysia.

Namun begitu, inisiatif demi inisiatif yang dilaksanakan dalam siri pembangunan lima tahun Malaysia masih belum cukup untuk meletakkan Malaysia dalam posisi selesa apabila menganalisis hal ehwal pembangunan antara wilayah/negeri.

Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia ke-12 dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang ketidaksamarataan pendapatan. Malah, kerajaan turut melaksanakan Pelan Pemulihan Negara sebagai salah satu inisiatif pemulihan ekonomi akibat penularan COVID-19.

Walau bagaimanapun, sejauh mana dasar pembangunan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan berjaya meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya di negeri Sabah dalam tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara perlu dikenal pasti dan diteliti.

## Cadangan Polisi

### Cadangan 1

- Menilai semula enam garis panduan serta mekanisma pelaksanaan pengecualian Dasar Kabotaj yang digubal di bawah Malaysia Merchant Shipping Ordinance 1952.

### Cadangan 2

- Penubuhan Jawatankuasa oleh Kerajaan bagi memantau pelaksanaan strategi Kerajaan Negeri secara berkala mengenai jajaran infrastruktur jalan yang kurang baik bagi mengurangkan kos pengangkutan pengangkutan kargo.

### Cadangan 3

- Memperkasakan penjawat awam Sabah supaya mereka mampu mentadbir urus dana pembangunan negeri serta memantau pelan pembangunan Sabah dengan lebih baik.

## Pengenalan

Isu pembangunan di negeri Sabah bukanlah suatu isu yang baharu. Namun, sejauh mana pihak berkepentingan seperti pembuat dasar dan kerajaan 'bertoleransi' untuk membangunkan negeri Sabah seiring negeri-negeri lain di Malaysia adalah amat penting untuk dinilai.

Empat prinsip asas pembangunan iaitu kesaksamaan, kelestarian, produktiviti dan pemerasaan di dalam konteks Sabah wajar dikaji semula. Realitinya, pembangunan *"is not about giving the same to everyone"*.

Kumpulan pengkaji mendapati bahawa *"we are not giving what everyone has but we are giving what you need or what you want to have. We should give according to needs and we have to listen to the people what they need"*.

Pemahaman menyeluruh mengenai konsep pembangunan juga amat penting. Ini kerana pembangunan bukan hanya mengenai infrastruktur sebaliknya bagaimana sumber kewangan yang ada berupaya memperkasakan rakyat.

Merujuk kepada data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia 2019, Sabah merupakan negeri yang mempunyai majoriti daerah yang termiskin di Malaysia. Malah, jurang pembangunan di negeri Sabah adalah lebih rendah berbanding negeri lain di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Berdasarkan statistik, KDNK per kapita nasional meningkat sebanyak 2.8% setahun dalam tempoh RM11. Namun begitu, wujud pengagihan yang tidak seimbang bagi setiap negeri. Analisis mendapati bahawa, Wilayah Persekutuan (WP) dan lima negeri telah mencatat KDNK per kapita melebihi purata nasional sebanyak RM43,378 pada tahun 2020.

WP Kuala Lumpur telah merekodkan pencapaian tertinggi sebanyak RM120,600 manakala Sabah, Kelantan, Kedah dan Perlis pula mencatatkan KDNK per kapita yang rendah berikutan kebergantungan yang tinggi kepada sektor berasaskan komoditi.

Dalam tempoh RM11, Wilayah Tengah telah mencatat KDNK per kapita tertinggi sebanyak RM62,886 pada tahun 2020, sementara wilayah Sabah pula mencapai pendapatan terendah sebanyak RM22,858 dengan jurang 63.7% kepada wilayah Tengah.

Selain itu, jurang pembangunan yang besar masih wujud antara wilayah serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Wilayah Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dilihat berhadapan dengan cabaran dalam menarik pelaburan disebabkan oleh faktor infrastruktur seperti utiliti, telekomunikasi dan jaringan pengangkutan yang 'agak lemah'.

Di dalam konteks Sabah, perancangan pembangunan taman perindustrian juga direputasikan sebagai lemah kerana tahap pengurusan dan penyelenggaraan di beberapa taman perindustrian tidak memenuhi jangkaan dan keperluan pelabur.

Perkara ini menyebabkan beberapa taman perindustrian tidak digunakan sepenuhnya dan kebanyakan pembangunan hanya tertumpu di kawasan membangun.

Walau bagaimanapun, isu pembangunan dan kemiskinan di Sabah terlalu kompleks dan tidak boleh dipukul sama rata kerana faktor keluasan negeri dan geografi yang pelbagai. Oleh yang demikian, pelaksanaan dan pengagihan belanjawan 2022 (Sabah menerima RM5.2 bilion) memerlukan pendekatan komprehensif yang lebih memfokuskan kepada keperluan sesebuah daerah dan kawasan tersebut, selari dengan usaha melokalisasikan matlamat pembangunan selaras SDG di Sabah.


## Isu-isu Yang Dikenalpasti

Isu-isu di bahagian ini dikategorikan kepada tiga teras utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Rajah 1). Pencapaian ketiga-tiga teras ini diyakini dapat membawa Sabah ke arah negeri maju dan seterusnya membantu Malaysia sebagai sebuah negara maju yang disasarkan pada tahun 2025.

Namun begitu, terdapat masih banyak isu yang berjaya dikenalpasti dan susunan isu ini dikumpulkan berdasarkan tiga teras yang dinyatakan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

### Rajah 1

*Tiga Teras Utama*




## (A) Teras 1: Ekonomi

### (1) Isu Ketidakseimbangan Sektor Ekonomi

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), industri pembuatan hanya menyumbang 8% (RM6.5 bil) kepada KDNK Sabah, jelas menunjukkan aktiviti industri pembuatan yang masih rendah (Rajah 2).

#### Rajah 2

*Sumbangan Sektor Perindustrian Dalam KDNK 2019 (RM Bilion)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Oleh yang demikian, peluang-peluang ekonomi industri pembuatan masih belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan mengakibatkan penghijrahan tenaga kerja. Dianggarkan sebanyak 200,000 rakyat Sabah bekerja di Semenanjung (Jabatan Ketua Menteri Sabah, 2021).

Pembangunan jaringan infrastruktur dan ekonomi juga tidak seimbang dan lebih tertumpu di kawasan pusat atau titik pertumbuhan utama (*key growth nodes*) seperti Kota Kinabalu, dan *Greater* Kota Kinabalu.

Manakala, kawasan luar bandar yang kaya dengan hasil bumi tidak dapat dibangunkan sepenuhnya kerana kekurangan infrastruktur asas seperti jalan raya dan jambatan yang amat diperlukan untuk menghubungkan kawasan-kawasan yang mempunyai bentuk muka bumi yang mencabar seperti sungai dan berbukit.

Antara faktor penyumbang yang dikenalpasti adalah wujudnya jurang komunikasi (*communication gap*) antara kerajaan pusat dan negeri yang mana projek pembangunan yang dirancang kerajaan pusat berbeza atau tidak memenuhi keperluan sebenar negeri Sabah. Pembuat polisi perlu lebih peka akan realiti sebenar di Sabah.

Sebagai contoh jalan raya terbaik adalah di Sandakan dan bukan Kota Kinabalu. 40% jalan raya di Sabah tidak berturap walaupun mempunyai hospital, klinik, sekolah yang menyukarkan rakyat.

Selain itu, Sabah turut berhadapan dengan isu kelembapan dan kemunduran sektor industri. Hal ini kerana sektor pembuatan masih kurang kerana kerajaan negeri hanya fokuskan kepada sektor pelancongan semata-mata dan mengabaikan sektor pertanian.

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang penting dalam menghadapi sekuriti makanan. Pada masa yang sama kerajaan turut hanya mengharapkan pelaburan swasta semata-mata.

Sabah juga kekurangan inovasi dan kepakaran dalam sektor-sektor yang kritikal. Selain itu, Sabah tidak mempunyai kilang pemprosesan dan bergantung sepenuhnya kepada Semenanjung dan ini menyebabkan harga barangan khususnya barang asas lebih mahal berbanding Semenanjung.

## (2) Isu Pembangunan

Kadar pembangunan di Sabah agak perlahan disebabkan beberapa faktor. Antaranya, isu birokrasi, penjawat awam yang tidak cekap mengurus tadbir dana dan kekurangan teknokrat. Kedua, kerajaan negeri Sabah terlalu senang dengan keadaan semasa negeri (*low-hanging fruit syndrome*) dan pembahagian kuasa yang tidak seimbang antara kerajaan pusat dan negeri menyebabkan pembangunan ekonomi agak perlahan.

Tiada kepelbagaian sumber ekonomi, yang mana negeri Sabah terlalu bergantung kepada perkhidmatan berkaitan dengan perlancongan. Pelancongan merupakan sektor terbesar di Sabah, menyumbang kepada 25% kepada sektor perkhidmatan.

Terdapatnya isu pembangunan politik popular iaitu pembangunan yang dilaksanakan berdasarkan naratif politik yang membandingkan keadaan dan taraf ekonomi di Sabah dengan Semenanjung. Ini mengakibatkan pembangunan yang dilaksanakan tidak memenuhi keperluan sebenar rakyat Sabah.

Dasar pembangunan di Sabah perlu diperhalusi impak dasar melalui kajian. Sekiranya dasar itu bagus, harus dipastikan adanya kesinambungan dan boleh dijadikan *best practices* di tempat-tempat lain.

Perkara yang sama juga harus dilakukan sebelum merangka dan melaksanakan sesuatu dasar agar perkara yang tidak diinginkan dapat dielakkan. Kurangnya kesedaran mengenai pentingnya kajian dan kebertanggungjawaban melaksanakan projek pembangunan kerana faktor patronage yang menyebabkan penjawat awam lebih berpolitik dari melaksanakan tugas.

### (3) Isu Polisi Sabah Maju Jaya (SMJ)

Penilaian semula dasar SMJ. Tidak dinafikan bahawa objektif SMJ adalah signifikan tetapi tempoh pelaksanaan adalah terhad. Pelan tempoh 5 tahun tidak mencukupi dalam memastikan pembangunan yang holistik. Pada masa yang sama dasar tersebut hanya memfokuskan kepada projek mega sahaja dan bukan di kawasan kampung-kampung. Oleh itu ia hanyalah memberikan manfaat kepada golongan tertentu.

#### (4) Isu Perpindahan Ibu Kota Jakarta di Kalimantan

Kesedaran dalam impak pemindahan bandar Jakarta ke Kalimantan. Kerajaan negeri masih belum mewujudkan ketetapan perancangan serta sekretariat dalam menganalisis isu pemindahan tersebut.

#### (5) Isu Cukai

Penilaian semula pengagihan cukai. Sistem percukaian perlu dinilai semula dan perlu memberikan kebebasan kepada kerajaan negeri menikmati sistem cukai dan memberikan autonomi kepada Kerajaan Negeri dalam mengutip cukai.

Peruntukan yang diberikan kepada Sabah tidak dinafikan merupakan antara yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung tetapi ia adalah tidak cukup kerana berdasarkan faktor geografi kawasan Sabah yang luas.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga perlu memanfaatkan peruntukan yang diberikan kerana kerajaan negeri Sabah hanya membelanjakan 1.7 billion dalam tempoh lapan bulan daripada 5.2 billion. Hal ini membuktikan bahawa kelemahan tadbir urus dalam kerajaan negeri.


## (A) Teras 2: Sosial

### (1) Isu Jurang Pendapatan

Jurang pendapatan bandar dan luar bandar yang besar. Beza pendapatan isi rumah kasar bulanan (*median household income*) bagi negeri Sabah pada tahun 2019 ialah RM2500-RM3000 (RM5000 untuk kawasan bandar dan RM2500 bagi kawasan luar bandar), lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain yang perbezaan pendapatan penengahnya hanya dalam lingkungan RM1500-RM2000 (Jadual 1).

### Jadual 1

*Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Negeri Sabah (2019)*



## (2) Isu Kemiskinan


Kadar kemiskinan yang tinggi berdasarkan garis kemiskinan nasional RM2208 dan RM1169 bagi miskin tegar. Sabah merekodkan pekali Gini tertinggi pada 0.397, kemiskinan mutlak pada 19.5%, dan kemiskinan relatif pada 14.7% pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, indeks kemiskinan mutlak negeri Sabah bertambah baik daripada 23.97 peratus pada 2016 kepada 19.5 peratus pada tahun 2019 (Jadual 2).

### Jadual 2

*Pekali Gini dan Kadar Kemiskinan Mutlak Sabah Mengikut Daerah (2019)*

**Gini Coefficient and Incidence of Poverty by Administrative District**



### (3) Isu Pengangguran

Secara keseluruhannya, kadar pengangguran dalam golongan berpendidikan tertiar dan kadar guna tenaga tidak penuh (*underemployment*) masih tinggi di Malaysia. Manakala, kadar penyertaan tenaga buruh di Sabah kekal mendatar berbanding di Sarawak yang semakin menurun dari tahun 1982-2020.

Pada tahun 2019, Sabah mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 5.8% dengan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 70.0%. Antara faktor pengangguran yang tinggi adalah disebabkan Sabah tidak mempunyai kilang-kilang yang banyak kerana kurangnya para pelabur luar.

Para pelabur luar tidak melabur kerana tidak mempunyai fasiliti dan infrastruktur asas seperti air, elektrik dan jalan raya yang baik di Sabah. Selain itu para majikan lebih gemar mengambil warga negara asing yang tinggal di Sabah kerana mereka lebih gemar membayar gaji harian.

Upah lepasan siswazah yang rendah menyebabkan kadar pengangguran golongan berpendidikan tertiar tinggi (5.0%) berbanding golongan yang berpendidikan rendah dan menengah sahaja.

Kekurangan peluang pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan juga menjadi faktor penyumbang kepada kadar penyertaan buruh yang rendah di Sabah kerana golongan ini memilih untuk berhijrah ke Semenanjung untuk bekerja di Kuala Lumpur, Johor Bahru serta Selangor yang padat dengan kawasan perindustrian.

#### (4) Isu Penyertaan Buruh

Kadar penyertaan tenaga buruh di Sabah juga rendah kerana golongan tidak bernegara (stateless) yang tidak mempunyai dokumen pengenalan identiti diiktiraf tidak dibenarkan bekerja sedangkan mereka merupakan sebahagian besar populasi Sabah.

Dianggarkan sebanyak 800,000 daripada 3.9 juta penduduk Sabah adalah golongan orang tidak bernegara yang berkemungkinan tinggi berkerja dalam bidang tidak formal dan terdedah kepada kondisi pekerjaan tidak selamat dan bersifat eksploitatif.

Golongan ini juga tidak mempunyai akses kepada pelajaran, perkhidmatan kesihatan, dan perbankan, seterusnya menyukarkan kehidupan harian mereka dan hasil ekonomi mereka tidak diambil kira dalam pertumbuhan ekonomi Sabah secara amnya.

#### (5) Isu Capaian Jalur Lebar

Capaian internet, jalur lebar, dan komputer yang terhad/terbatas menyebabkan jurang digital semakin besar antara Semenanjung dengan Sabah. Capaian jalur lebar hanya dalam lingkungan 10%-15%, manakala capaian komputer hanya 50%.

Sebaliknya, Sarawak lebih ke hadapan dalam mengadaptasi digitalisasi dalam aktiviti ekonomi, pendidikan dan urus tadbir berbanding Sabah. Sabah juga masih berdepan dengan isu infrastruktur asas (elektrik, jalan, klinik desa, sekolah) yang daif yang kritikal.

Ini menyukarkan Sabah untuk mengadaptasi digitalisasi dalam sektor-sektor yang telah dikenalpasti dan juga pembangunan modal insan yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi Sabah.

### (6) Isu Pemerksaan Usahawan Wanita

Kurangnya pemerksaan usahawan wanita khususnya ibu tunggal. Ibu tunggal khususnya dalam kawasan pendalaman agak ketinggalan dalam bidang keusahawanan kerana kurang pengetahuan, pendedahan, latihan serta peluang dan disebabkan itu hanya terfokus kepada aktiviti berskala kecil seperti menanam dan menjual sendiri hasil tanaman.

### (7) Isu Pemilikan Tanah

Isu pemilikan Tanah Adat Hak Anak Bumiputra (*Native Customary Right Lands*) dan '*provisional leases*' yang sering dimanipulasi oleh pihak berkepentingan politik untuk mewujudkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak.

Pihak ini mendakwa bahawa sebahagian tanah-tanah adat ini berada di dalam kawasan '*provisional leases*' yang mana kerajaan negeri boleh mengambil alih pemilikan tanah ini tanpa memberikan sebarang pampasan kepada pemilik tanah.

Salah faham ini berpunca daripada perbezaan definisi tanah adat (*NCR lands*) yang diiktiraf oleh kerajaan negeri berdasarkan undang-undang tanah negeri dan definisi yang digunapakai oleh orang asal, serta isu pemetaan tanah (Azima et al. 2014).

Isu pemilikan tanah ini adalah isu yang sangat serius kerana punca pendapatan sebahagian besar populasi orang asal di Sabah dan Sarawak bergantung kepada hasil pertanian yang dijalankan di atas tanah-tanah adat ini.

Percanggahan pemilikan tanah tidak seharusnya berlaku kerana pindaan Kanun Tanah Sarawak 1958 (*Sarawak Land Code*) misalnya tinjauan dilakukan di bawah Seksyen 6 memastikan adanya 'overlapping claims' antara tanah adat dan tanah komunal negeri, manakala Seksyen 18 merujuk kepada pengisian pemilikan tanah (*land title*) yang digunakan oleh orang asal untuk tujuan kediaman dan pertanian diiktiraf sebagai tanah adat suku kaum Bumiputra.

### (8) Isu Ketidakstabilan Politik

Ketidakstabilan politik di Negeri Sabah terutamanya apabila menjelang pilihanraya negeri. Ketidakstabilan politik di Sabah dengan pertukaran kerajaan dan isu lompat parti telah memberikan impak negatif kepada pembangunan kerajaan negeri Sabah.

Sebagai contoh Projek Pan Borneo tergendala agak lama. *Sabah Development Corridor* juga telah menjadi projek Gajah Putih kerana kurang tindakan secara aktif dan agresif dalam merealisasikan projek tersebut.

Tiada kestabilan politik kerana perubahan kerajaan negeri yang kerap juga mengakibatkan ekosistem penjawat awam di Sabah tidak kukuh untuk menguruskan dana pembangunan yang diberikan saban tahun.

## (9) Isu Kos Pembinaan dan Pembinaan Rumah Kos Rendah

Pembangunan Kos Pembangunan Rumah yang tinggi. Kos harga rumah yang tinggi di kawasan-kawasan utama dan bandar telah mewujudkan kerisauan khususnya golongan belia.

Hal ini kerana tiada lagi rumah-rumah yang bernilai 100 ribu ke bawah, sebaliknya nilai paling minimum adalah 350 ribu dengan keluasan yang terhad. Dalam jangka masa panjang, hanya golongan tertentu dan para pelancong luar (China, Korea) yang akan memonopoli memiliki hartanah di Sabah. Situasi tersebut berpotensi mewujudkan isu miskin tegar bandar dalam jangka masa panjang.

Kekurangan pembinaan rumah kos rendah. Pembinaan rumah kos rendah seperti Projek Pembinaan Rakyat (PPR) tidak banyak dan terhad serta tertumpu kawasan-kawasan tertentu. Pada masa yang sama agihan PPR adalah tidak cekap dan tulus. Ia juga dimonopoli oleh golongan tertentu.

## (10) Isu Keselamatan Sempadan

Pengurusan sempadan yang lemah. Sebagai contoh di Pulau Manukan telah menunjukkan kes penyeledupan yang tinggi bukan sahaja daripada barang-barang asas tetapi juga manusia. Antara faktor yang menyebabkan isu tersebut adalah integriti dan rasuah oleh pihak-pihak tertentu serta pemantauan yang lemah.

## (11) Isu Penubuhan Sekolah, Hospital dan Dasar Pendidikan

Penubuhan sekolah dan hospital adalah lambat dan tidak efektif. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan dana yang banyak dalam membina sekolah dan hospital tetapi ianya mengambil masa yang terlalu lama untuk disiapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan kebantutan adalah kerenah birokrasi antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Dari segi pendidikan, dasar yang dilaksanakan tidak mengketengahkan keperluan rakyat Sabah itu sendiri.

Dasar-dasar pendidikan masih lagi terlalu mengikut acuan semenanjung dan ini mengakibatkan kurangnya sensitiviti terhadap kepelbagaian kaum dan budaya di Sabah dalam setiap tahap pentadbiran kerajaan negeri mahupun pusat.

## (!2) Isu Birokrasi dan Tadbir Urus

Faktor birokrasi juga dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang melambatkan pembangunan di Sabah. Terdapatnya budaya '*Patronage dan Cabotage*' yang menyebabkan penjawat awam di Sabah kurang mempunyai kredibiliti mentadbir urus dan melaksanakan projek-projek pembangunan dengan baik.

Ini menyebabkan rakyat kurang percaya dengan institusi pentadbiran awam (*institutional deficit*) dan birokrasi menjadi faktor penghalang kepada pembangunan negeri.

Tiadaanya fleksibiliti dalam tadbir urus negeri juga menyebabkan dasar yang dilaksanakan tidak efektif. Kerajaan negeri masih bergantung kepada kerajaan pusat di Putrajaya kerana keputusan-keputusan yang mempengaruhi pembangunan Sabah hanya dibuat di Putrajaya.

Ini memperlahankan proses pelaksanaan dasar pembangunan kerana bilangan perwakilan Sabah di kerajaan pusat juga adalah kecil.

Kurangnya pemantauan terhadap projek-projek yang dilakukan dari pihak bertanggungjawab. Contohnya, projek Pan Borneo masih lagi tidak dapat disiapkan kerana terdapatnya faktor-faktor mengekang seperti masalah dengan pemaju. Faktor lain termasuk bajet yang diperuntukkan tidak dibelanjakan dengan sebaik mungkin oleh Jabatan Kerja Raya Sabah dan menyebabkan jalan-jalan di Sabah berlubang dan tidak diselenggara dengan baik.

## **(A) Teras 3: Alam Sekitar**

### **(1) Isu Kelestarian Alam Sekitar**

Dari segi kelestarian, Sabah terdedah kepada perubahan iklim yang melampau kerana ianya sensitif dengan perubahan alam. Namun, usaha mencegah perubahan iklim di Sabah masih lagi kurang dilaksanakan.

Selain itu, Majlis Perubahan Iklim negeri Sabah juga tidak mempunyai kepelbagaian pakar yang lebih arif tentang sensitiviti alam. Ini mungkin menyebabkan dasar berkenaan yang akan dirangka dan dilaksanakan tidak bersifat menyeluruh.

Pencemaran air merupakan isu utama pencemaran alam sekitar di Sabah. Hal ini disebabkan oleh sisa kumbahan daripada syarikat perkapalan dan sektor perladangan. Selain itu, penerokaan hutan secara berleluasa telah menyebabkan pencemaran tanah dan banjir berlaku.

Antara faktor utama isu alam sekitar di Sabah adalah kurangnya pengawalan secara holistik daripada pemegang taruh terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Pada masa yang sama kurangnya kesedaran dalam kalangan para pelajar terhadap kepentingan menjaga alam sekitar walaupun sistem pendidikan telah mengenengahkan subjek alam sekitar.

## Implikasi Kepada Dasar

### (1) Ekonomi

EPU telah mengenalpasti 31,598 ketua isi rumah miskin tegar (KIRT) di Sabah. 10 lokaliti termiskin telah dipilih untuk fasa pertama Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) bermula April 2022: Kampung Penimbawan (Sulaman), Kampung Penengah (Tongod); Kampung Bongkol (Pitas); Kampung Sembirai (Kota Belud); Kampung Tandek (Kota Marudu); Kampung Pelakat (Sipitang); Kampung Binsulok (Beaufort); Kampung Tetabuan (Beluran); Kampung Kaingaran (Ranau); dan Kampung Lima (Nabawan).

20 lagi kampung di Sabah akan dipilih untuk BMTKM di bawah fasa kedua dan ketiga tahun ini untuk merapatkan jurang kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Nilai pendapatan garis kemiskinan (PGK) Malaysia telah disemak semula pada tahun 2019 untuk menekankan pengambilan makanan yang optimum dan sihat, serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Nilai purata PGK di Sabah ialah RM2,537 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,179 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 4.5 orang.

Berikutan impak penularan wabak COVID-19 terhadap pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, Jabatan Perangkaan menyemak semula garis kemiskinan nasional untuk memperhalusi kedudukan sosioekonomi dan jurang pembangunan. Ini kerana pekali Gini nasional dianggarkan meningkat dari 0.407 kepada 0.411 menunjukkan peningkatan agihan pendapatan yang tidak saksama.

## (2) Sosial

Walaupun Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, peranan Malaysia dan badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia seperti Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) perlu diperkukuh untuk memperbaiki taraf hidup orang tidak bernegara sejajar dengan pelaksanaan Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) serta pengurusan pelarian dan pencari suaka di Malaysia.

Pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas Undang-Undang Tanah Sabah Ordinan 68 perlu dihebahkan kepada suku kaum Sabah agar kekeliruan tidak lagi berlaku antara status tanah adat dan '*provisional leases*'.

Pindaan yang dilakukan seharusnya memastikan guna pakai tanah pertanian (*agricultural land use*) yang diwartakan oleh kerajaan negeri tidak bercanggah dengan aktiviti pertanian yang telah sekian lama dilakukan oleh suku kaum pribumi Sabah yang telah diiktiraf sebelum undang-undang tanah negeri diwartakan masih tergunapakai dan sebelum Perjanjian Malaysia 1963 ditandatangani.

Dasar-dasar pembangunan yang bersifat samarata tidak lagi boleh digunakan. Sebaliknya, dasar yang bersifat kesaksamaan berdasarkan keperluan dan hak komuniti setempat perlu diketengahkan.

Kerajaan juga perlu lebih proaktif dalam menghapuskan halangan sosioekonomi untuk membasmi kemiskinan dan membantu rakyat Sabah menikmati taraf kehidupan yang lebih berkualiti dan mampan

## Cadangan Polisi

### (1) Cadangan Penambahbaikan Terhadap Ekonomi

- Sabah masih dikategorikan sebagai negeri termiskin dan status pembangunan yang tidak sejajar dengan peruntukan diberikan serta kurang membangun. Pelan pembangunan yang lebih mengkhususkan realiti sebenar pembangunan Sabah dan tidak bersifat 'Malaya' seharusnya diberikan keutamaan kerana keperluan sosioekonomi Sabah berbeza dengan Semenanjung.
- *Politically embedded perception* sudah 'basi' dan tidak wajar dijadikan agenda untuk mendapatkan mandat rakyat Sabah terutamanya yang kurang pemahaman mengenai empat prinsip asas pembangunan.
- Pelan pembangunan Sabah juga haruslah lebih bersifat '*human-centric*' untuk merakyatkan ekonomi Sabah. Adaptasi model pembangunan yang bersifat '*bottom-up*' untuk mewujudkan pemilikan bersama model ekonomi negeri harus ditekankan supaya rakyat cakna dan faham peranan mereka dalam membangunkan ekonomi negeri dan kerajaan negeri juga lebih prihatin dan peka akan keperluan dan kehendak rakyat yang menanggung impak negatif kemerosotan ekonomi (misalnya, inflasi) secara langsung. Konsep perusahaan sosial antara komuniti lokal dan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) harus lebih dibangunkan kerana kedua-dua pihak bersama-sama membangunkan perusahaan berbanding model perusahaan konvensional yang hanya menggaji penduduk tempatan.

- Peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi harus dititikberatkan dalam membangunkan modal insan negeri Sabah secara lebih efisien. Kerjasama yang erat antara kerajaan negeri dan universiti tempatan juga amat penting untuk memastikan graduan Sabah dapat memenuhi kehendak pasaran industri tempatan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh, mengurangkan kebergantungan kepada hasil komoditi serta menaiktaraf kedudukan sektor ekonomi kepada nilai tambah yang lebih tinggi (*high-value added*) berteraskan teknologi tinggi yang intensif selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Ini sekaligus dapat merapatkan jurang ekonomi dan pembangunan antara Sabah (dan Sarawak) dengan negeri-negeri di Semenanjung dan mengurangkan penghijrahan tenaga buruh ke Semenanjung dan guna tenaga buruh asing.
- Perbandingan KDNK secara wilayah juga adalah bersifat berat sebelah. Jika dilihat secara keseluruhan, sumbangan KDNK Sabah adalah kelima tertinggi tetapi termiskin jika perbandingan dilakukan dari lensa wilayah. Ini menimbulkan persoalan jika sumbangan Sabah lebih tinggi berbanding sesetengah negeri di Semenanjung, mengapakah tahap pembangunan di Sabah masih di belakang. Jika hasil negeri tinggi, seharusnya lebih banyak projek pembangunan yang mendukung pertumbuhan ekonomi boleh dilakukan. Tetapi sebaliknya yang terjadi.

- Sabah kurang membangun berbanding negeri-negeri Semenanjung. Persoalannya, adakah agihan semula hasil negeri Sabah daripada kerajaan pusat setimpal dengan hasil ekonomi dan keperluan Sabah? Agihan semula hasil negeri Sabah haruslah dilakukan dengan lebih telus dan berdasarkan merit dan bukanlah status ekonomi agar hak kepentingan dan keperluan sosioekonomi rakyat Sabah terjamin dan lebih menjurus ke arah kesaksamaan keberhasilan.
- Merujuk kembali kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), aktiviti pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi (RM13.7 bil atau 16%) kepada KDNK Sabah pada tahun 2019. Ini menunjukkan aktiviti pertanian berpotensi besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang sihat. Oleh itu, kerajaan negeri (dan kerajaan pusat) memainkan peranan penting dalam usaha mengkomersilkan hasil pertanian Sabah dan memastikan guna pakai tanah pertanian tanah adat sejajar dengan agenda pembangunan mampan dengan memperkenalkan 'smart agriculture' atau aktiviti pertanian mesra iklim (*climate-friendly agriculture*) daripada terus mengambil alih pemilikan tanah mereka. Usaha ini akan membantu Sabah mencapai SDG8,10, dan 13 demi kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

- Pelaburan dalam aktiviti pembuatan dan automasi masih rendah walaupun Sabah mencatatkan pelaburan asing yang baik semasa pandemik COVID-19. Sabah berjaya menarik pelaburan bernilai RM11.2 billion dalam sektor perindustrian dan pelancongan semasa pandemik menunjukkan ekonomi Sabah semakin pulih. Walau bagaimanapun, pelaburan asing bukanlah kayu ukur yang sesuai untuk menilai sejauh mana kejayaan pertumbuhan ekonomi Sabah. Kerajaan negeri seharusnya menggariskan indikasi/metrik mengukur kedudukan sebenar serta menjelaskan kepada rakyat dan komuniti perniagaan akan manfaat hala tuju SMJ yang menggariskan sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan sebagai tiga teras utama pemacu pelan pembangunan Sabah 2021-2025. Pendekatan mikroekonomik perlu dipergiat dan diperluas kepada semua peringkat masyarakat kerana rakyat Sabah masih lagi tidak memahami manfaat SMJ kepada setiap individu.
- Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia dengan menjadikan Pelabuhan Klang sebagai hub tumpuan pengumpulan, penurunan, pemunggahan dan pemprosesan komoditi barangan yang masuk daripada luar negara ke Malaysia telah mengekang negeri Sabah untuk mentadbir urus sendiri barangan yang boleh masuk terus melalui negeri Sabah. Oleh itu, dasar kabotaj yang dilaksanakan perlu ditambah baik, sistem utiliti serta sistem percukaian perlu dilihat semula supaya membuka peluang kepada negeri Sabah untuk menguruskan sendiri hub Pelabuhan di negeri ini di samping meningkatkan ekonomi utama Sabah.

- Pilihanraya Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2022 akan datang wajar mengetengahkan desakan ahli-ahli parlimen bagi pemansuhan Dasar Kabotaj di Malaysia Timur. Antaranya mengenai penilaian semula dasar oleh Kerajaan Persekutuan perlu mengenenpikan pertimbangan politik sebaliknya melihat impak kepada pembangunan sektor perkapalan domestik.
- Kerajaan Negeri perlu membuat penilaian kerelevenan ke atas *post-exemption* Dasar Kabotaj di Malaysia Timur. Menilai impak pengecualian Dasar Kabotaj ke atas pelaburan oleh syarikat-syarikat perkapalan domestik yang mengendalikan perkhidmatan perkapalan kargo domestik.
- Menilai semula enam garis panduan serta mekanisma pelaksanaan pengecualian Dasar Kabotaj yang digubal di bawah *Malaysia Merchant Shipping Ordinance 1952*.
- Penubuhan sebarang Jawatankuasa oleh Kerajaan untuk menilai keberkesanan Dasar Kabotaj. Walau bagaimanapun, pelantikan ahli Jawatankuasa perlu daripada kalangan yang mempunyai kepakaran antaranya ahli akademik dalam bidang dan pihak industri.
- Penubuhan Jawatankuasa oleh Kerajaan bagi memantau pelaksanaan strategi Kerajaan Negeri secara berkala mengenai jajaran infrastruktur jalan yang kurang baik bagi mengurangkan kos pengangkutan pengangkutan kargo.

- Kerajaan Negeri wajar mendapatkan perincian mengenai kajian *National Port Strategy* terkini dari Kerajaan Persekutuan. Signifikannya bagi menganalisis semula kos yang telah ditanggung bagi kontena kosong yang dibawa ke Semenanjung Malaysia.
- Membuat ketetapan perancangan pengoperasian dan perjalanan dalam mengurangkan kekurangan pengeluaran kargo untuk pasaran domestik dan eksport berdasarkan hasil kajian *National Port Strategy*.
- Perincian terkini dari kajian *National Port Strategy* perlu bagi Kerajaan Negeri menilai semula statistik, kos dan ratio peratusan kos perkhidmatan perkapalan termasuk *reposition cost* dan kos pengangkutan darat. Perincian tersebut signifikan bagi Kerajaan Negeri menilai prestasi sistem pengedaran barangan keperluan yang bermodalkan oligopoli bagi meningkatkan jumlah syarikat pengangkutan, agen pengedar dan pengimport.
- Kerajaan Negeri perlu memastikan cadangan, perancangan dan ketetapan dasar kabotaj perlu dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi memastikan sasaran *policy revision* bagi mengeneipkan pertimbangan politik sebaliknya melihat impak kepada pembangunan sektor perkapalan domestik tercapai.

- SMJ merupakan Pelan Pembangunan bagi tahun 2021-2025 yang mencakupi keseluruhan aspek pembangunan di negeri Sabah termasuklah Sektor pertanian, perindustrian, pelancongan, modal insan dan kesejahteraan rakyat serta jaringan infrastruktur dan kelestarian hijau. Ini merupakan satu dasar jangka panjang yang baik untuk menjayakan agenda pembangunan negeri Sabah. Walau bagaimanapun, promosi untuk meningkatkan pengetahuan serta kesedaran masyarakat Sabah dilihat masih rendah, malah sistem penyampaian serta pelaksanaan dasar yang dibuat masih lemah. Justeru itu, kerajaan perlu juga merancang serta melaksanakan dasar-dasar lain yang boleh dibuat dalam tempoh yang pendek dan sederhana bagi mencapai matlamat dasar jangka panjang yang telah digariskan.
- Penguatkuasaan keselamatan yang lemah telah menyebabkan pendatang asing mendominasi perniagaan di Sabah. Isu keselamatan ini seharusnya dititikberatkan dan diperketatkan oleh pihak berautoriti bagi mengelakkan berlaku isu-isu jenayah sempadan yang boleh mengganggu gugat keselamatan dan kesejahteraan masyarakat negeri Sabah.

## (2) Cadangan Penambahbaikan Terhadap Modal Insan

- Dasar pembangunan juga seharusnya bersifat mesra rakyat dengan mengambil kira suara-suara rakyat dan juga badan bukan kerajaan (seperti CSO) yang lebih tahu tentang keperluan rakyat di lapangan. Seperti yang telah dinyatakan, *politically embedded perception* sudah 'basi' dan tidak wajar dijadikan agenda untuk mendapatkan mandat rakyat Sabah terutamanya yang kurang pemahaman mengenai empat prinsip asas pembangunan.
- Dari sudut sosial, dasar pembangunan seharusnya bersifat menyeluruh. Kerajaan negeri harus lebih memberi penekanan ke atas pembangunan mikro-ekonomik. Sektor-sektor perusahaan kecil di Sabah harus dibangunkan dan dikembangkan supaya rakyat dapat meningkatkan tahap sosiokenomi.
- Kerajaan memainkan peranan yang penting untuk membantu mengurangkan jurang dalam rantaian bekalan (*supply chain*) supaya rakyat Sabah dapat mengkomersialkan produk tempatan.
- Dari segi pembangunan modal insan, setiap dasar yang dilaksanakan dan pencapaian dasar itu haruslah diuar-uarkan kepada rakyat negeri Sabah supaya mereka lebih cakna dengan perkembangan pembangunan dan peluang-peluang ekonomi (i.e pekerjaan) dari pelaburan asing untuk menarik graduan Sabah yang bekerja di Semenanjung kembali berkhidmat di Sabah.

- Dasar pembangunan ekonomi yang baik tidak sepenuhnya bermakna meningkatkan tahap pendapatan rakyat Sabah tapi memastikan rakyat Sabah dapat menjalani kehidupan yang selesa dan realistik (*reasonable living conditions*), sejajar dengan perkembangan semasa ekonomi.
- Pelancongan merupakan sumber ekonomi utama di Sabah seperti Kota Kinabalu, Semporna, Tawau. Mengekalkan budaya Sabah untuk memajukan sektor pelancongan dan juga untuk memperkukuhkan kesejahteraan rakyat Sabah yang pelbagai kaum.
- Memperkasakan penjawat awam Sabah supaya mereka mampu mentadbir urus dana pembangunan negeri serta memantau pelan pembangunan Sabah dengan lebih baik. Pembangunan harus menitikberatkan kesaksamaan yang mana rakyat diberikan berdasarkan keperluan mereka sendiri dan juga berdasarkan kekuatan dan kelemahan Sabah. Program pembangunan modal insan seperti latihan dan kursus-kursus pembangunan kapasiti amat penting untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus dan tahap integriti penjawat awam di Sabah.

- Penghijrahan masyarakat Sabah ke luar terutamanya Semenanjung adalah disebabkan faktor kekurangan peluang pekerjaan seperti kekurangan sektor pembuatan, perkilangan, serta aktiviti pemprosesan. Justeru, sejajar dengan peralihan ke arah gig ekonomi pada masa kini, pihak berautoriti terutamanya kerajaan perlu lebih berusaha untuk meningkatkan fasiliti seperti akses jaringan internet, membuka peluang peningkatan kerjaya menerusi latihan dan bimbingan berterusan terutamanya kepada tenaga kerja muda.
- Platform digital seperti gig ekonomi mula diberi perhatian terutamanya semasa negara dilanda Pandemik Cov-19. Realitinya, kerajaan negeri Sabah sendiri sebenarnya mampu meningkatkan manfaat kepada peningkatan gig ekonomi supaya masyarakat Sabah tidak keluar dan menyumbang sumber ekonomi di luar berbanding di Sabah. Justeru, peluang pekerjaan menerusi platform digital ini seperti Uber, Grab, FoodPanda dan lain-lain harus diperluaskan kepada masyarakat negeri Sabah.

## Kesimpulan

Isu pembangunan di negeri Sabah bukanlah suatu isu yang baharu. Namun, sejauh mana pihak berkepentingan seperti pembuat dasar dan kerajaan “bertoleransi” untuk membangunkan negeri Sabah seiring negeri-negeri lain di Malaysia adalah amat penting untuk dinilai. Empat prinsip asas pembangunan iaitu kesaksamaan, kelestarian, produktiviti dan pemeraksanaan di dalam konteks Sabah wajar dikaji semula

Isu pembangunan dan kemiskinan di Sabah terlalu kompleks dan tidak boleh dipukul sama rata kerana faktor keluasan negeri dan geografi yang pelbagai. Oleh yang demikian, pelaksanaan dan pengagihan belanjawan 2022 (Sabah menerima RM5.2 bilion) memerlukan pendekatan komprehensif yang lebih memfokuskan kepada keperluan sesebuah daerah dan kawasan tersebut, selari dengan usaha melokalisasikan matlamat pembangunan selaras SDG di Sabah.

Walau bagaimanapun, pembasmian kemiskinan dan pengagihan hasil tidak seharusnya terlalu bergantung kepada indeks garis kemiskinan semata-mata. Ini kerana indikator dan indeks garis kemiskinan terlalu rigid yang mengakibatkan sebahagian besar populasi jatuh atau tergolong dalam jaringan keselamatan sosial (social security net). Rationya adalah kerana takrifan kemiskinan berdasarkan SDG bersifat lebih menyeluruh (menekankan faktor antaranya etnik, akses kepada jaringan internet mengikut keperluan norma baharu dan lain-lain).

Realitinya, pembangunan *“is not about giving the same to everyone. We are not giving what everyone has but we are giving what you need or what you want to have. We should give according to needs and we have to listen to the people what they need”*. Masyarakat luar bandar yang jauh dari pusat bandar perlu memahami sepenuhnya mengenai konsep empat prinsip asas pembangunan iaitu kesaksamaan, kelestarian, produktiviti dan pemerksaan pembangunan (Ikbal Huda, Rahim Ridzuan, Ikhran Ridzuan & Marfunizah Ma’dan).

## Rujukan

Abdullah, M. I. U. (2019). Sabah teliti Dasar Teknologi Hijau sebagai panduan PBT. *Berita Harian*, 1-1.

Andriesse, E. (2017). Regional disparities in the Philippines: Structural drivers and policy considerations. *Erdkunde*, 97-110.

Bentzen, J. & Tung, L. T. (2020). Regional income convergence in an emerging Asian economy: Empirical evidence from Vietnam. *Post-Communist Economies*, 1–15.

Gustin, E., & Rahim, D. A. A. (2020). Kesan pembangunan luar bandar ke atas kesejahteraan hidup masyarakat di Sabah. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(4), 36-43.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu\\_id=NGtTOFFUcVJKb2lucmZ5ZGpuSkZvdz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=NGtTOFFUcVJKb2lucmZ5ZGpuSkZvdz09)

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Pendapatan dan perbelanjaan isi rumah M40 dan B40 mengikut negeri*. Kementerian Ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Penemuan utama: Pendapatan, kemiskinan, ketaksamarataan, perbelanjaan, kemudahan asas*. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/Prices/HIES/Penemuan\\_Utama.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/HIES/Penemuan_Utama.pdf)

Lamere, Z. & Tatu, J. (2016). Kesenjangan pertumbuhan ekonomi di Provinsi Maluku. *Agri-Sosioekonomi*, 12(1A), 121-132.

Manaf, A. A., Lyndon, N., Selvadurai, S., Hussain, M. Y., Ramli, Z., Sum, S. M., ... & Jali, F. M. (2014). Menangani cabaran tranformasi Tanah NCR: Satu keperluan terhadap pendekatan pemetaan berpenglibatan. *Geografia*, 10(1).

Mansur, K. H., & Kogid, M. (2008). Koridor pembangunan Sabah (SDC): Harapan dan cabaran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III*, 577.

Omar, F. I., Rahim, S. A., & Salman, A. (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam pemerksaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 241-256.

Patrick, S., & Imang, U. (2016). Pembangunan bandar kecil di Sabah: Isu dan cabaran. *Geografi*, 4(2), 65-82.

Sieng, L. W., & Kamarudin, N. S. (2021). Faktor ketidakseimbangan pembangunan antara negeri di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 1-23.

Shah, J. M., & Selamat, H. H. (2013). Pengkategorian nelayan bandar dan kemiskinan: Penelitian terhadap nelayan di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*.

Unit Perancangan Ekonomi. (2021). *Rancangan Malaysia ke-12*.

World Bank. (2019). *Breaking barriers toward better economic opportunities for women in Malaysia 2019*.





INSTITUT MASA  
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia  
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,  
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:  
[www.institutmasa.com](http://www.institutmasa.com)

e ISBN 978-629-95423-7-7



9 786299 542377